

# AL-HIKMAH

AL HIKMAH INTERNATIONAL JOURNAL OF  
ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES

EISSN: 2637-0581 (online)

Copyright © 2018 Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences.  
All Rights Reserved.

## PERBANDINGAN ISLAM DAN IDEOLOGI DEMOKRASI BARAT ANTARA KETUANAN SYARAK DAN KEBEBASAN BERFIKIR

Muhammad Ikram bin Abu Hassan

## **Pendahuluan :**

Islam semakin hari semakin terancam dari pelbagai sudut, terutama dari sudut ideologi. Pelbagai wasilah telah dicipta oleh barat untuk menghakis kefahaman Islam antaranya ialah liberalisasi. Manakala demokrasi pula adalah sayap bagi liberal dalam dunia politik (kedua-duanya berakarkan ateisme)<sup>1</sup>. Oleh yang demikian, kajian ke atas pemikiran-pemikiran ini secara mendalam amatlah perlu dititikberatkan supaya umat Islam tidak terus tertipu dengan jarum-jarum halus yang ingin dicucuk masuk ke dalam fikiran umat Islam secara tidak sedar. Pengkaji melihat pemikiran-pemikiran ini adalah suatu yang bahaya ke atas agama Islam kerana akan menghakis dan mewujudkan salah faham terhadap agama Islam. Sedangkan umat Islam disuruh melaksanakan Islam secara menyeluruh. Firman Allah SWT yang bermaksud :

(Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya).<sup>2</sup>

Antara kekeliruan yang timbul dalam kalangan umat Islam yang berkait rapat dengan sistem demokrasi yang merupakan satu bentuk sistem pemerintahan yang hasil daripada pemahaman liberal, yang berpaksi kepada prinsip asas liberal. Kertas kerja ini dihasilkan bagi menerangkan perbezaan antara sistem Islam dan Demokrasi. Mohd Rumaizuddin menyebut : 'Demokrasi mutlak seperti yang diamalkan di negara-negara barat adalah sesuatu yang mengancam kestabilan ajaran Islam kerana kebebasan yang dibenarkan Islam mempunyai batasan tertentu'.<sup>3</sup>

Kajian terdahulu menunjukkan di sana sentiasa ada pertembungan antara sarjana-sarjana mahupun Islam ataupun barat terhadap sistem ini. Sehingga ada pengkaji melihatnya sebagai istilah yang sangat popular dalam kalangan aktivis, politikus, mahupun tokoh akademik<sup>4</sup>.

## **Sejarah kemunculan fahaman liberal :**

Sejarah kemunculan kefahaman liberal bermula apabila masyarakat Kristian bangkit melawan gereja<sup>5</sup>. Pada peringkat awal hanya merdeka dari sudut agama namun kemudian

---

<sup>1</sup> Hisyam Sakr, *Pluralisme Dalam Neraca Islam*, terbitan Mih Training & Consultancy, cetakan pertama 2017, m/s 10

<sup>2</sup> Annisa : 59

<sup>3</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Pengamalan Demokrasi Di Dunia Islam Menurut Perspektif Islam*, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, VOL. 10 (MAY) 2017, m/s 17

<sup>4</sup> Naili Rohmah Iftitah, *Islam Dan Demokrasi*, Islamuna Volume 1 Nomor 1 Juni 2014, m/s 35

<sup>5</sup> Zulfakhri Hasan, *Sejarah Eropah sehingga awal abad ke 20*. M/s 5.  
[https://www.academia.edu/15541478/Sejarah\\_Eropah?auto=download](https://www.academia.edu/15541478/Sejarah_Eropah?auto=download)

mereka turut menolak daripada terikat dengan adat dan budaya tradisional setempat. Liberalism adalah mazhab yang meletakkan agama sebagai isu peribadi.<sup>1</sup>

Mereka menolak penguasaan agama, dari sudut falsafah dan *tabiq* (perlaksanaan). Dalam membumikan falsafah mereka ini, konsep pluralism diperkenalkan sebagai sebuah konsep yang harus diamalkan. Konsep ini membawa kepada agama adalah sama dan tidak ada yang lebih anantara satu sama lain, maka tiada mana-mana agama yang berhak menguasai masyarakat.

Antara kelicikan konsep ini adalah ia seolah-olah menjaga semua agama tapi pada hakikatnya membiarkan masyarakat tidak beragama, atau tidak dipimpin oleh agama.<sup>2</sup>

Konsep ini sangat bertentangan dengan tujuan agama Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t:

(هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ<sup>3</sup>)

Ertinya : Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk (Al-Quran) dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukai.

Firman Allah SWT :

(وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ فَخُذْكُمْ بِبَيْنُهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا<sup>4</sup> وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ<sup>4</sup>)

Ertinya : Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

<sup>1</sup> Hisyam Sakr, m/s 41. Dan Hujayyana, Erniza Rina (2009) *Ideologi Islam Dalam Perspektif Syeikh Taqiuddin An Nabhani*. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya, m/s 30.

<sup>2</sup> Ibid 41

<sup>3</sup> Attaubah : 33

<sup>4</sup> Al-Maidah : 48

### **Definisi demokrasi :**

Demokrasi boleh difahami sebagai satu sistem yang mempunyai undang-undang berprosedur yang mengkhususkan siapa yang berwibawa untuk membuat sesuatu keputusan secara kolektif dan apakah prosedur yang harus digunakan untuk membuat keputusan.<sup>1</sup>

demokrasi juga bermaksud kuasa politik dan segala hak politik diserahkan kepada rakyat<sup>2</sup>.

demokrasi juga diartikan sebagai pemerintahan dari rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat.<sup>3</sup> selain itu juga, Hendry B. Mayo menafsirkannya "*a democratic political system is one in which public policies are made on a majority basis, by representative subject to effective popular control at periodic elections which are conducted on the principle of political equality and under conditions of political freedom*" (sistem politik demokrasi adalah suatu sistem yang menjamin bahwa kebijakan umum ditentukan atas dasar mayoritas oleh wakil-wakil yang diawasi oleh rakyat secara efektif dalam pemilihan-pemilihan berkala yang didasarkan atas dasar prinsip.<sup>4</sup>

Bagi pandangan pengkaji, tafsiran yang ada ada merumuskan bahawa demokrasi merupakan suatu bentuk pemerintahan dalam sesebuah negara yang berdiri atas asas prinsip tertentu seperti pilihanraya, parlimen dll dan ianya berpaksikan kepada pemikiran liberalisme barat.

### **Pandangan Sarjana Barat terhadap hubungan agama dan demokrasi :**

Sarjana barat terbahagi kepada tiga aliran dalam menyatakan pandangan mereka terhadap demokrasi<sup>5</sup> :

1. Model paradoksal atau model negatif yang menyatakan bahwa antara agama dan demokrasi tidak dapat dipertemukan bahkan berlawanan (agama versus demokrasi). tokoh penganut pandangan ini ini adalah Karl Marx, Max Weber, Nietzsche dan Sartre.
2. Model sekuler atau model netral menyatakan bahwa hubungan agama dengan demokrasi bersifat netral, di mana urusan agama dan politik termasuk demokrasi berjalan berasingan. Persoalan agama adalah hubungan antara manusia dengan tuhan, adapun demokrasi urusan dengan manusia.
3. Model teodemokrasi atau model positif menyatakan bahwa agama dan demokrasi mempunyai kesejajaran dan kesesuaian.

---

<sup>1</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali, m/s 19, dipetik daripada : (Azzam Tamimi, 2001: 10)

<sup>2</sup> Ibid 19

<sup>3</sup> Naili Rohmah Iftitah, m/s 36

<sup>4</sup> Ibid 36, dipetik dari akarta Press, 2000), 165. 4 Hendry B. Mayo, An Introduction to Democratic Theory (New York: Oxford University Press, 1960), 70

<sup>5</sup> Ibid 37, dipetik daripada A. Ubaidillah, Pendidikan Kewargaan: Demokrasi, HAM dan Masyarakat Madani, 194-196

**Pandangan sarjana Islam terhadap demokrasi :**

Meneliti pandangan sarjana Islam, dapat dibahagikan kepada 3 aliran seperti di dalam jadual di bawah<sup>1</sup> :

aliran	tokoh	hujah
Aliran yang menolak dan menggangap demokrasi suatu sistem yang bertentangan dengan Islam.	1. Taqiyuddin al-Nabhani, pengasas Hizbul Tahrir al-Islami 2. Dr. Adnan Ali Rida al-Nahwi yang mana dalam bukunya al-Shura la Dimoqratiyyah dan Shura wa mumarasatuha al-Imaniyyah	1. tidak ada apa-apa dalam tradisi Islam yang serasi dengan kerajaan berperlembagaan dan perwakilan 2. syura merupakan persoalan iman dan rabbaniah serta wahyu dari Ilahi, sementara demokrasi pula adalah hasil pemikiran manusia. Syura adalah sistem kepercayaan yang membawa risalah langit kepada manusia untuk sepanjang zaman, sementara demokrasi pula hanyalah untuk masa tertentu sahaja. Syura adalah sistem yang berkembang dalam lingkungan iman dan bersih serta bercirikan kebaikan, sementara demokrasi berkembang bersama keburukan dan bercirikan perpecahan. Demokrasi membawa kepincangan kepada dunia dengan matlamat menghalalkan cara, menghalalkan perhubungan jenis, zina, liwat dan arak. Beliau menolak pandangan bahawa satu-satunya jalan untuk kemajuan bagi dunia Islam adalah melalui sistem demokrasi 3. mengutamakan kehendak majoriti sekaligus mengangkat suara manusia sebagai sumber perundangan teratas. Berbeza dengan konsep politik Islam, yang mana sumber perundangan dan kedaulatan adalah milik mutlak Allah
Golongan yang bersetuju dengan demokrasi secara mutlak: Golongan ini adalah	1. Syeikh Muhammad Husein (1856-1936M) yang mana dalam artikelnya Tanbih al-Ummah wa Tanzih al-Millah (1909M) 2. Sayyid Ayatullah Bujanridi turut	beliau menyeru umat Islam supaya berpegang kepada demokrasi sebagai satu wasilah untuk menumbangkan diktator

<sup>1</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali, m/s 22

sedikit sahaja	mengatakan bahawa Islam tidak bertentangan dengan demokrasi	
Golongan yang tidak menerima atau menolak secara mutlak: Golongan ini membezakan antara demokrasi sebagai alat dengan demokrasi sebagai satu bentuk pegangan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yusuf al-Qaradawi,</li> <li>2. Rashid al-Ghannoushi,</li> <li>3. Taufiq al-Shawi dan</li> <li>4. Hassan al-Turabi.</li> <li>5. Muhammad Khatami yang merupakan bekas Presiden Iran,</li> <li>6. Muhammad Mahdi Syamsuddin seorang ulama Syiah,</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendokong demokrasi Islamik menekankan konsep-konsep syura, bai'ah, permuafakatan, ijtihad dan masalahah untuk menunjukkan bahawa Islam tidak berkurangan dalam landasan-landasan asas yang sesuai dengan tatacara dan matlamat demokrasi.</li> <li>2. Rashid al-Ghannoushi percaya bahawa demokrasi mempunyai satu aset mekanisme untuk menjamin kedaulatan orang ramai dan boleh memberi kawalan supaya tidak berlakunya korupsi dan penindasan daripada mereka yang mempunyai kekuasaan.</li> <li>3. Tawfiq al-Shawi berpendapat bahawa demokrasi sebenarnya adalah versi syura menurut Islam. Menurutnya, terdapat ramai pemimpin Islam yang berkuasa selepas Khulafa' al-Rasyidin telah membelakangkan syura sehinggalah ke zaman kita ini. Pada zaman sekarang Barat pula telah mendahului orang Islam dalam mengamalkan nilai-nilai syura seperti kebebasan bersuara dan menjernihkan kebebasan berpolitik. Eropah telah berjaya mengasaskan sistem secara syura ini dalam kerajaan mereka yang mereka namakan demokrasi. Dengan lain perkataan, syura yang datang dari bumi Islam yang telah layu kerana tidak dipelihara dengan rapi rupa-rupanya berkembang subur di bumi bukan Islam</li> <li>4. Muhammad al-Ghazali mengatakan bahawa demokrasi bukanlah agama yang diletakkan dalam barisan Islam melainkan hanyalah sebuah sistem interaksi antara pemerintah dengan rakyatnya.</li> <li>4. Ahmad Shawqi al-Fanjari mengatakan setiap zaman mempunyai terminologi sendiri untuk merumuskan konsep demokrasi dan kebebasan. Elemen yang dibawa oleh demokrasi adalah selari dengan apa yang digariskan dalam ajaran Islam tentang keadilan ('adl), hak (haqq), perundingan (syura) dan persamaan (musawat).</li> </ol>

**Perbandingan antara sistem Islam dan Demokrasi :**

<b><u>bil</u></b>	<b><u>Demokasi</u></b>	<b><u>Islam</u></b>
1.	Agama masyarakat : masyarakat tiada agama melainkan apa yang disepakati -public religion/common faith -mencampur semua fikrah agama, mengikut akal fikiran mereka (disebut sendiri oleh tokoh mereka seperti franklin wajib untuk rakyat amerika dan gereja menyeru kepada bentuk agama sebegini, agama tanpa tuhan – rujuk anas malik toha) Mazhab Insani/Humanisme, hakikatnya pada pandangan mereka manusia adalah tuhan <sup>1</sup>	Islam adalah agama kepada masyarakat dan penentu sumber rujukan bagi semua perkara  (إن الدين عند الله الإسلام)  (إنا أنزلنا إليك الكتاب بالحق لتحكم بين الناس بما أراك الله) <sup>2</sup>  Ertinya : Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.
2	Menolak penguasaan agama semua agama sama dengan tujuan menolak penguasaan agama di dalam negara <sup>3</sup>	Islam yang menguasai masyarakat dan menentukan cara hidup yang benar
3	Mengamalkan pluralisme : Kewujudan agama dalam demokrasi adalah dengan falsafah bahawa tiada yang mengatasi satu sama lain. <sup>4</sup>	semua lapisan kena tunduk kepada islam dan hidup dengan cara islam
4	Demokratik System mengamalkan konsep diversity tanpa batasan	manakala Islam pula tidak pernah memberi pengiktirafan, namun semua agama boleh diamalkan pada tempat mereka termasuk undang-undang mereka, selagi mana tidak menentang Islam

<sup>1</sup> Hujayyana, Erniza Rina m/s 30

<sup>2</sup> Annisa : 105

<sup>3</sup> Hisyam Sakr, m/s 29

<sup>4</sup> Ibid 29

5	<p>Hak dalam demokratik, parlimen boleh menentukan apa-apa undang-undang tanpa ada keterikatan. <sup>1</sup></p> <p>ia tidak memiliki sebarang prinsip yang membatasinya atau nilai-nilai yang menjadi landasan kehidupannya.<sup>2</sup></p>	<p>tapi dalam Islam syura menentukan undang-undang tapi tunduk kepada syarak (beza pada : sumber rujukan dan masalah untuk Islam)<sup>3</sup></p>
6	<p>Pemilihan agama dibenarkan dalam konteks individu, tanpa ada campurtangan dari mana-mana<sup>4</sup></p>	<p>manakala didalam Islam ia dibenakan secara bersyarat (telah diberikan hujah dll) serta semua kena tunduk kepada Islam</p>
7	<p>Pluralism siyasi (parti politik) dalam demokrasi tiada keterikatan agama, manakala didalam Islam ia dibenarkan untuk sesama muslim tanpa memberi ruang atau peluang kepada parti sesat (parti sosialis dll tidak boleh wujud).</p>	<p>Seorang muslim, keadilan dalam kehidupannya adalah berpaksikan kepada ibadah. Oleh sebab itu albanna rahimahullah tolak sepenuhnya sistem ahzab, puncanya adalah perpecahan, serta semua perti ini tidak melaksanakan islam.<sup>5</sup></p>
8	<p>Dalam demokrasi, parlimen dibentuk berdasarkan peti undian<sup>6</sup></p>	<p>manakala di dalam Islam pemimpin dipilih dari kalangan Ahlu Hal Wal Aqd, sebahagian syaratkan mereka ini mujtahid, namun sebhagian yang lain tidak mensyaratkan sebegitu namun meletakkan syarat lain yang cukup tinggi. Kerana mereka yang menggalas tanggungjawab memelihara keseimbangan pemerintah agama. <sup>7</sup></p>

Kesimpulan :

1. melihat kepada perbezaan Sistem Islam dan demokrasi ternyata sistem demokrasi dilihat bertentangan dengan Islam dari beberapa sudut. Antara yang utama ialah aspek kebebasan.

<sup>1</sup> Mohd Rumaizuddin Ghazali, m/s 19

<sup>2</sup> ibid 19

<sup>3</sup> Ibid 19

<sup>4</sup> Ibid 34

<sup>5</sup> Hassan al-Banna, Himpunan Risalah IHAB, Risalah Muktamar kelima, Pustaka Salam, m/s 241

<sup>6</sup> Hujayyana, Erniza Rina, m/s 34

<sup>7</sup> Muhammad Ikram bin Abu Hassan, The application of shura between the conditions of legitimacy and the democratic system: problems and solutions, kertas kerja dibentangkan 5th International Conference Quran As Foundation Of Civilization (SWAT2017), USIM, m/s 9

Islam melihat kebebasan adalah manusia bebas daripada hawa nafsu dan menyerah dirinya kepada tuhan yang menciptakannya menjadi hamba kepadanya.

2. sistem demokrasi terdapat beberapa kebaikan yang perlu diakui seperti sistem parlimen yang menentukan hala tuju negara melalui undang-undang yang digubal bersama. Namun terdapat juga percanggahan utama dalam demokrasi iaitu tiada prinsip asasi yang dipegang oleh parlimen. Apatah lagi prinsip agama.

3. Umat Islam seharusnya berusaha menegakkan kembali syariat Allah SWT. Ianya merupakan taklif yakni tanggungjawab utama umat Islam selepas jatuhnya khilafah Islam.

4. bersetuju dengan sistem demokrasi secara mutlak seperti yang dibawa oleh barat boleh membawa kepada kecelaruan dari sudut akidah. Ini kerana demokrasi mutlak barat memberikan ruang kepada rakyat menentukan segalanya. Dengan itu, rakyat berhak menolak syariat agama jua sekalipun.

5. penyelidik berpendapat demokrasi merupakan suatu yang dharurat yang terpaksa diterima oleh umat Islam sebagai alat pemerintahan semasa sehinggalah mereka merubah kepada sistem syura secara total.

6. Umat Islam yang melihat Syariat Islam boleh ditegakkan dengan sistem demokrasi merupakan suatu yang salah. Sejarah membuktikan campur tangan barat terhadap negara Islam yang ingin mengamalkan sistem demokrasi. Seperti berlaku di Gaza dan Mesir.

Rujukan :

1. Hisyam Sakr, pluralisme dalam Neraca Islam, terbitan Mih Training & Consultancy, cetakan pertama 2017
2. Mohd Rumaizuddin Ghazali, Pengamalan Demokrasi Di Dunia Islam Menurut Perspektif Islam, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, VOL. 10 (MAY) 2017
3. Naili Rohmah Iftitah, Islam Dan Demokrasi, Islamuna Volume 1 Nomor 1 Juni 2014

4. Zulfakhri Hasan, Sejarah Eropah sehingga awal abad ke 20. M/s 5. [https://www.academia.edu/15541478/Sejarah\\_Eropah?auto=download](https://www.academia.edu/15541478/Sejarah_Eropah?auto=download)
5. Hujayyana, Erniza Rina (2009) Ideologi Islam Dalam Perspektif Syeikh Taqiyuddin An Nabhani. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya
6. Hendry B. Mayo, An Introduction to Democratic Theory (New York: Oxford University Press, 1960)
7. Ubaidillah, Pendidikan Kewargaan: Demokrasi, HAM dan Masyarakat Madani
8. Hassan al-Banna, Himpunan Risalah IHAB, Risalah Mukhtamar kelima, Pustaka Salam
9. Muhammad Ikram bin Abu Hassan, The application of shura between the conditions of legitimacy and the democratic system: problems and solutions, kertas kerja dibentangkan 5th International Conference Quran As Foundation Of Civilization (SWAT2017), USIM